

MAA sambut baik kadar sifar GST

bH 24/6/18 Ms. 28

➔ Pemansuhan cukai lonjak jumlah jualan kenderaan, rancakkan industri

Oleh Mohd Zaky Zainuddin dan Lizam Ridzuan
bhbiz@nstp.com.my

Persatuan Automotif Malaysia (MAA) menjangkakan langkah kerajaan menetapkan kadar cukai barang dan perkhidmatan (GST) kepada sifar buat sementara mulai 1 Jun ini bakal memberi impak positif kepada jumlah jualan kenderaan (TIV).

Presidennya, Datuk Aishah Ahmad, berkata menerusi langkah positif kerajaan itu, pihaknya menjangkakan TIV bagi Jun dan Julai lebih tinggi berbanding bulan sama tahun sebelumnya.

"Ia (sifar GST) bagus untuk industri khususnya pengguna. Kita menyambut baik langkah ini kerana ia akan merancakkan lagi industri, terutama ketika musim perayaan bakal tiba.

"Pengeluar kenderaan menyerap kadar sifar GST dengan menawarkan rebat cukai, sekali gus menyebabkan

harga kenderaan lebih rendah. Kita mengharapkan pembeli tidak menangguh pembelian sehingga Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) dilaksanakan dalam tempoh dua hingga tiga bulan lagi.

"Langkah pengeluar kenderaan untuk memberi nilai tambah menerusi diskaun musim perayaan juga bakal menarik minat pembeli menukar kenderaan," katanya kepada NSTP.

Tawar harga kompetitif

Susulan penetapan kadar sifar GST oleh kerajaan baru-baru ini juga, pelbagai langkah diambil pengeluar kenderaan di negara ini dalam penawaran harga yang menarik kepada pembeli.

Sama ada jenama tempatan atau antarabangsa kebanyakan menawarkan rebat dan bonus GST lebih awal meskipun tempoh bebas GST hanya akan bermula 1 Jun nanti sehingga tarikh pelaksanaan SST diumumkan oleh kelak.

Bagi jenama premium BMW dan Volvo, ia menawarkan pengurangan harga untuk semua model yang dijual sehingga pengumuman rasmi daripada kerajaan mengenai SST.

Pengarah Urusan Volvo Car Malaysia, Lennart Stegland, berkata penjimatan daripada pengurangan cukai ini akan mengukuhkan kedudukan mereka sebagai pendahulu dalam ciri keselamatan, teknologi bantu pemandu dan enjin hibrid.

"Ia menawarkan harga yang

kompetitif bagi pilihan kenderaan elektrik hibrid plug-in (PHEV) di negara ini untuk lebih ramai yang berpeluang memilikinya," katanya.

Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif BMW Group Malaysia, Harald Hoelzl, berkata buat masa ini pihaknya menyahut kenyataan kerajaan itu dengan positif, termasuk pengurangan harga serta memberikan perkhidmatan selepas jualan yang terbaik kepada pelanggan.

"Selain perubahan harga, BMW Group Malaysia akan memastikan pelanggan terus menikmati pengalaman Premium yang ditawarkan seperti jaminan perbatuan tanpa had selama lima tahun oleh BMW dan empat tahun oleh MINI serta Program Servis Berjadual Percuma," ujarnya.

Promosi, hadiah menarik

Sime Darby Auto Connexion (SDAC), pengedar kenderaan Ford juga menawarkan pengurangan harga sehingga RM33,000 untuk semua rangkaian model yang dijual di negara ini.

Pengarah Urusannya, Syed Ahmad Muzri Syed Faiz, menyatakan selain diskaun harga dengan sifar GST, pembeli juga boleh menikmati pelbagai promosi dan hadiah menarik sempena ulang tahun ke-10 SDAC dan sambutan Aidilfitri tidak lama lagi.

Bagi jenama tempatan seperti Perodua dan PROTON, ia men-



Menerusi langkah positif kerajaan itu, pihaknya jangkakan TIV bagi Jun dan Julai lebih tinggi berbanding bulan sama tahun sebelumnya"

Aishah Ahmad,
Presiden Persatuan
Automotif Malaysia

gambil pendekatan sama untuk terus bersaing dalam pasaran automotif negara dengan sifar GST.

Pengarah Urusan Perodua Sales Sdn Bhd, Datuk Dr Zahari Husin, menjelaskan yang mereka akan memulangkan GST secara tunai untuk pembelian kereta baru, pendaftaran untuk servis ataupun pembelian alat ganti kepada pelanggan yang berurusan sebelum 1 Jun.

PROTON pula menawarkan pilihan kepada pelanggan sama ada untuk mendapatkan baucar perkhidmatan atau rebat tunai untuk pembelian kereta baharu mereka.

Naib Presiden Jualan dan Pemasarannya, Abdul Rashid Musa, berkata opsyen itu sebagai inisiatif jenama tempatan untuk rakyat Malaysia menikmati harga kenderaan tanpa GST.